

117 pelajar UMS jayakan program khidmat masyarakat

UB 11.5.2017 B3

Oleh JAINUDIN NASIR

RANAU: Seramai 117 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) melaksanakan Program Khidmat Masyarakat di Kg Napong 1, di sini, baru-baru ini.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah bergotong-royong membaiki kerosakan jalan raya, mengecat astaka padang sekolah, membersihkan kawasan perkampungan serta kawasan tanah perkuburan Islam dan bukan beragama Islam, yang turut mendapat kerjasama penduduk kampung.

Ketua Kampung Napong 1 Mazlan Osman, Pengurus PIBG Rapilin Paiman dan PK HEM SK Napong Arif Tuan Sulaiman merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak UMS kerana



MAZLAN berucap mewakili penduduk.

memilih Kg Napong 1 sebagai lokasi melaksanakan program itu tahun ini.



RAPILIN (kiri) menerima cenderahati disampaikan Fauzi.

di SK Napong agar belajar bersungguh-sungguh hingga ke institut pengajian tinggi,”

kata Arif.

“Permuafakatan ini membolehkan kerja gotong royong dapat disiapkan dengan cepat serta menjimatkan kos,” kata Mazlan.

Sementara itu, Pengarah Program yang juga ketua rombongan UMS, Fauzi Sarjono berterima kasih di atas sokongan serta kerjasama penduduk Kg Napong 1, yang membantu menjayakan program julung kali diadakan itu.

“Program ini banyak membantu para pelajar UMS



SAMBUT tamu dengan tarian sumazau oleh PIBG SK Napong.



PELAJAR UMS bergotong royong mengecat astaka padang sekolah.



PARA pelajar UMS bersama penduduk.



PELAJAR UMS bergotong royong membaiki jalan raya Kg Napong 1.

KETIBAAN 117 pelajar serta pensyarah UMS disambut mesra oleh penduduk Kg Napong 1.

menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman baharu dari segi pergaulan, budaya sosial, sosio ekonomi serta kehidupan masyarakat di luar bandar.

“Kita mengharapkan semua pengalaman yang diperoleh dapat membantu pelajar mengikuti bidang masing-masing serta mengaplikasikannya dalam kehidupan apabila keluar dari universiti kelak,” kata dia.